

MAHATHIR-UMNO

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 PAGI: 25 MEI)

1984

KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN BAHAWA UMNO AKAN HANCUR DAN MENJADI PERSATUAN ORANG KAYA SAHAJA JIKA PERBUATAN MENGGUNAKAN WANG UNTUK MEREBUT JAWATAN DALAM PARTI SEKARANG TIDAK DIHENTIKAN.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BIMBING TABIAT MENJUAL UNDI OLEH ORANG-ORANG YANG MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PERIBADI AKAN AKHIRNYA MENDORONG MEREKA MENJADI PARTI DAN MUNGKIN SATU MASA KELAK, MENJUAL NEGARA.

BELIAU JUGA TIDAK SENANG DENGAN SETENGAH-SETENGAH ANGGOTA UMNO YANG MASIH MENGAMALKAN SIKAP KEDAERAHAN SERTA MENONJOL-NONJOLKAN KETOKOHAN PARA PEMIMPIN TERTENTU SEHINGGA TERGAMAK MENGORBANKAN PARTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYEBUT HAL INI DALAM UCAPAN DASARNYA DI PERHIMPUNAN AGUNG KE-35 UMNO DI HOTEL HILTON DI SINI HARI INI YANG DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH RTH.

-- LAGI 0830/AZ

MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENURUT PERDANA MENTERI, UMNO SEKARANG MEMASUKI SATU ERA BARU YANG KEPENTINGAN DIRISENDIRI NAMPAKNYA MENGATASI KEPENTINGAN PARTI.

DENGAN SEMAKIN RAMAI ORANG MELAYU MENJADI KAYA, REBUTAN JAWATAN DIBUAT DENGAN MENGGUNAKAN WANG YANG BANYAK.

PENGGUNAAN WANG DAN REBUTAN JAWATAN AKAN MENGHANCURKAN UMNO DAN MELEMAHKAN MASYARAKAT MELAYU, DAN SATU HARI NANTI HANYA JAWATAN SAHAJA YANG AKAN MEMIMPIN UMNO.

PADA WAKTU ITU, UMNO BUKAN LAGI PARTI POLITIK TETAPI SEBUAH PERSATUAN ORANG KAYA DAN SUDAH TENTU RAKYAT UMUM TIDAK LAGI AKAN MENYOKONGNYA.

BELIAU MENEGASKAN YANG MELAHIR DAN MENGUKUHKAN UMNO PUKANNYA WANG RINGGIT TETAPI SEMANGAT.

DENGAN MEMBANDINGKAN UMNO DAHULU DAN SEKARANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI WAKTU UMNO DIANGGOTAI OLEH ORANG-ORANG YANG MISKIN BELAKA, PARTI ITU TELAH BERJAYA MENUMPASKAN BRITISH.

TETAPI HARI INI PERISTIWA BERKELAH DI DALAM MESYUARAT CAWANGAN SUDAH MERESAPI UMNO SEHINGGA POLIS TERPAKSA DIPANGGIL.

YANG SUDAH MEMIMPIN MENGGUNAKAN KUASA UNTUK MENYEKAT ANGGOTA-ANGGOTA BARU ATAU PENUBUHAN CAWANGAN-CAWANGAN BARU.

-- LAGI 0833/AZ

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

YANG BERMINAT MENJADI PEMIMPIN PULA SANGGUP MEMBELANJAKAN WANG DAN TERDAPATJUGA YANG MENGGUNAKAN NAMAORANG-ORANG TERTENTU SERTA MELEMPARKAN PELBAGAI FITNAH BAGI MENDAPATKAN PENGARUH.

TIDAK KURANG JUGA YANG BERKEMPEN DAN MEMPERALATKAN KUASA KERAJAAN BAGI MENCAPAI MATLAMAT MASING-MASING.

KATANYA, ANGGOTA-ANGGOTA UMNO YANG MEMBENARKAN DIRI MEREKA DIPENGARUHI DENGAN KEMPEN SERUPA ITU AKAN KECEWA AKHIRNYA KERANA WALAU SIAPA PUN YANG MENANG ATAU KALAH, KERJASAMA DALAM PARTI TIDAK DAPAT DIADAKAN LAGI.

LAMA KELAMAHAN BANYAK PERPECAHAN BERLAKU DAN UMNO AKHIRNYA AKAN MENGHADAP KEHANCURAN.

APABILA UMNO SUDAH HANCUR, KEMENANGAN UNTUK MENJADI PEMIMPIN TIDAK BERMAKNALAGI KERANA YANG AKAN MEMENANGNY PILIHAN RAYA BUKAN UMNO TETAPI PARTI LAIN.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA UMNO TIDAK AKAN KALAH MELAINKAN IA MANGALAHKAN DIRINYA SENDIRI, PERDANAMENTERI MENCERITAKAN TENTANG ADANYA EEBERAPA KILK UMNO YANG MELETAKKAN CALON BEBAS UNTUK MENUMBANGKAN CALON RASMI UMNO.

SETELAH CALON UMNO DITEWASKAN, PIHAK YANG DAHULUNYA MELETAKKAN CALON BEBAS DIPILIH PULA BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA SEKALI LAGI DAN IA DITENTANG OLEH CALON BEBAS TAJAAN CALON UMNO YANG TERTEWAS.

+ DIA JUGA KALAH. INI JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA MEREKA YANG BERMAIN DENGAN PISAU AKAN MENCEDERAKAN DIRI SENDIRI JUGA AKHIRNYA, + UJAR BELIAU.

-- LAGI 0836/AZ

MAHATHIR-UMNO 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PEMIMPIN TERTINGGI UMNO ITU LALU MENGGESA PARA ANGGOTA, TERUTAMA GOLONGAN MUDA JANGAN MUDAH DIPENGARUHI OLEH TAKTIK MA3N DUITATAUPUN MEMBIARKAN TAKTIK MENGGUNAKAN KEMUDAHAN KERAJAAN BAGI MEMANCING UNDI.

BELIAU MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA MEMILIH CALON-CALON YANG MENGUTAMAKAN KHIDMAT YANG JUJUR DAN TIDAK BERHEMPAS-PULAS BAGI MENDAPATKAN TEMPAT DI DALAM PARTI.

AMARAN BELIAU: + JIKALAU KITA JUAL UNDI KITA HARI INI, SATUHARI NANTI KITA AKAN JUAL PARTI, DAN MUNGKIN KITA AKAN JUAL NEGARA JUGA.

+ JANGANLAH KITA BENARKAN SEJARAH NEGERI-NEGERI MELAYU DIULANGI MELALUI PARTI KITA INI. +

DATUK SER DR MAHATHIR MAHUKAN MEREKA MENCINTAI UMNO DAN TIDAK ORANG-ORANG TERTENTU DI DALAMNYA, TERMASUK BELIAU SENDIRI.

KATANYA, DARI MANA ORANG-ORANG ITU DATANG TIDAK PENTING TETAPI SUMBANGAN DAN KHIDMATNYA KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT PARTI.

+ SAMA ADA MEREKA RAJA ATAU RAKYAT, BERGELARAN ATAU TIDAK, ADALAH TIDAK PENTING.

+ JANGAN ADA PERSONALITY CULT DAN PAROCHIALISM DALAM UMNO. + TAMBAH BELIAU, JANGAN SEKALI-KALI BEGITU SAYANG KEPADA SESEORANG SEHINGGA SANGGUP MEMECAH BELAHKAN UMNO.

CUMA YANG BOLEH DIBERI KEPADA MEREKA YANG MENAWAR DIRI IALAH MANDAT UNTUK MENJALANKAN TUGAS, DAN UNTUK MAKSUD ITU, MEREKA PATUT DIBERI SOKONGAN.

-- LAGI 0839/AZ

ZCZC B527

MAHATHIR-UMNO 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENGAKUI MEMANG PATUT DICARI GANTI MANA-MANA PEMIMPIN YANG JELAS MENYELEWENG ATAU SUDAH TIDAK MEMPUYAI IDEA DAN BERTENAGA LAGI.

NAMUN MEREKA TIDAK PERLU MENGGANTI PEMIMPIN SEMATA-MATA KERANA INI DIIZINKAN, ATAU KERANA INGIN MEMBERI KEMENANGAN KEPADA CALON MASING-MASING.

JIKA PROSES PENGGANTIAN SERUPA INI AKAN MEMBAWA KESAN BURUK DAN PERPECAHAN KEPADA PARTI, LEBIH BAIK MEREKA MENGELAKKAN DIRI DARIPADA MEMPRAKTIKKAN DEMOKRASI SEMATA-MATA KERANA DEMOKRASI.

DALAM UCAPANNYA YANG MERANGKUMI 13 TEMA UTAMA, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYENTUH TENTANG PERPADUAN KEBANGSAAN DAN KEISLAMAN SERTA MENGENALPASTI MUSUH UTAMA UMNO.

BELIAU BERKATA SEBAGAI PARTI POLITIK ORANG MELAYU, UMNO DENGAN SENDIRINYA MENJADI PARTI ORANG ISLAM DAN BERJUANG UNTUK AGAMA ISLAM KERANA ORANG MELAYU SEMUANYA MENGANUTI AGAMA TERSEBUT.

UMNO BUKAN-HIPOKRIT DAN BERPURA-PURA MENAFIKAN YANG IA ADALAH PARTI ORANG MELAYU SEPERTI YANG DIBUAT OLEH SEBUAH PARTI LAIN.

IA JUGA MENGAKUI BAHAWA IA PARTI KEBANGSAAN MELAYU DI SAMPING MENJADI PARTI ISLAM KERANA MENAFIKAN HAKIKAT INI AKAN MENJADIKAN UMNO HIPOKRIT ATAU MUNAFIK.

OLEH KERANA MASYARAKAT MELAYU MERUPAKAN GOLONGAN YANG SECARA RELATIF LEMAH DAN MISKIN, MAKA UMNO JUGA MEWAKILI GOLONGAN YANG MISKIN DAN LEMAH DI MALAYSIA.

TETAPI WALAUPUN BERKEADAAN DEMIKIAN, ORANG MELAYU TELAH BERJAYA MEMEGANG KUASA POLITIK NEGARA DAN INI MENIMBULKAN KEBENCIAN TERHADAP MEREKA DI KALANGAN ORANG-ORANG TERTENTU DI DALAM DAN DI LUAR NEGERI.

-- LAGI 0842/AZ

MAHATHIR-UMNO 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

ITULAH SEBABNYA SEMENJAK MERDEKA ORANG MELAYU TIDAK MENDAPAT SIMPATI DAN MALAYSIA SENTIASA MENJADI SASARAN PELBAGAI TUDUHAN DAN TOHMAHAN.

TIDAK HAIRANLAH UMNO MENJADI TUMPUAN UTAMA SEGALA USAHA PIHAK LAWAN UNTUK MENGEKALKAN ORANG MELAYU DI TARAF RENDAH MEREKA SUPAYA TIDAK DAPAT MENGGUNAKAN KUASA POLITIK MEREKA BAGI MEMPERBAIKI KEHIDUPAN MEREKA, TAMBAHNYA.

MENURUTNYA, TIDAK ADA CARA LEBIH BERKESAN BAGI TUJUAN ITU DARIPADA MENGGUNAKAN ORANG MELAYU SENDIRI UNTUK MELAWAN ORANG MELAYU.

PENUBUHAN PARTI PAS MERUPAKAN ALAT UTAMA MUSUH ORANG MELAYU TETAPI MALANG BAGI MEREKA, KEBANYAKAN ORANG MELAYU DAPAT MENEKA STRATEGI PECAH-BELAH INI DAN TERUS MENYOKONG UMNO.

KATANYA LAGI, SEKARANG INI USAHA DITUMPUKAN PULA KEPADA MELEMAHKAN SEMANGAT KEBANGSAAN MELAYU DENGAN MENDAKWA ISLAM MENENTANG KEBANGSAAN DAN BAHAWA KEBANGSAAN ORANG MELAYU ADALAH SATU ALAT KEMPERTAHANKAN DIRI BAGI ORANG MELAYU YANG SEMUANYA ISLAM.

BELIAU KESAL KERANA ORANG-ORANG YANG MENDAKWA MEREKA CUMA MENGAKUI KEISLAMAN MEREKA DAN KONONNYA MENOLAK SEMANGAT KEBANGSAAN MELAYU. TIDAK PULA BERANI KEMPERTAHANKAN ORANG YANG SEASAMA DENGAN MEREKA DI AFGHANISTAN, LUBNAN DAN DI LAIN-LAIN TEMPAT.

KEISLAMAN MEREKA, TAMBAHNYA, TERHAD KEPADA KEGIATAN DI DALAM NEGARA SAHAJA DI MANA KEBANGSAAN MELAYU UMNO DAPAT MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA MEREKA.

DATUK SER DR MAHATHIR HENSIFATKAN GOLONGAN INI SEBAGAI HIPOKRIT ATAU TALAM DUA MUKA, SAMBIL MENAMBAH MEREKALAH GOLONGAN ASABIYAH.

-- LAGI 0843/AZ

MAHATHIR-UMNO 7 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU MENJELASKAN UMNO PERLU MENDEDAHKAN GOLONGAN HIPOKRIT DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU KERANA MEREKA MERUPAKAN 'DURI DALAM DAGING'.

DALAM SEJARAH ISLAM, GOLONGAN SERUPA ITU KERAP MUNCUL APABILA SAHAJA UMAT ISLAM MENCAPI KEJAYAAN DAN KEREKALAH YANG MELEMAHKAN SEMULA MASYARAKAT ISLAM.

SEKARANG KEADAAN SEUMPAMA INI SEDANG BERLAKU DI NEGARA INI DAN ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB PARTI ORANG ISLAM SEPERTI UMNO UNTUK BUKAN SAHAJA MENDEDAHKAN KEGIATAN MEREKA MALAH MELAWAN MEREKA HABIS-HABISAN.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN SONGGHPUN UMNO MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN ORANG MELAYU, IA TIDAK BERNIAT SAMA SEKALI UNTUK MERAMPAS HAK DAN HARTA ORANG LAIN YANG DIPEROLEHI SECARA SAH.

MENURUTNYA, PERJUANGAN UMNO TERPAKSA MENGAMBILKIRA KEDUDUKAN DAN KEPENTINGAN MASYARAKAT BUKAN MELAYU YANG MENJADI WARGANEGARA KERANA DI NEGARA INI TERDAPAT JUGA BUMIPUTERA LAIN, ORANG-ORANG CINA, INDIA DAN LAIN-LAIN BANGSA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEKANKAN APA YANG UMNO PERLUKAN IALAH KERJASAMA DARI SEMUA KAUM AGAR WUJUD KEADILAN DALAM SEMUA LAPANGAN.

SEMENTARA UMNO MEMBERI KERJASAMA DAN MEMBANTU KAUM-KAUM LAIN, MEREKA PULA MESTILAH MENOLONG MENJAYAKAN DASAR EKONOMI BARU, DASAR-DASAR KERAJAAN DAN TINDAKAN YANG BERTUJUAN MENGURANGKAN KETIDAK-SEIMBANGAN ANTARA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA.

-- LAGI 0546/AZ

MAHATHIR-UMNO 8 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

INI TERMASUK MENGADAKAN PERKONGSIAN YANG BERMAKNA DALAM BIDANG PERNIAGAAN SERTA MENUNJUK-AJAR RAKAN DAN KAKITANGAN BUMIPUTERA SUPAYA KECEKAPAN DIPEROLEHI SECEPAT MUNGKIN.

TETAPI KERJASAMA YANG BUMIPUTERA CUMA MEMINJAMKAN NAMA MEREKA TETAPI DIKUTUK, TEGASNYA.

BELIAU MENINGATKAN LEBIH CEPAT KAUM BUMIPUTERA MENCAPI KEJAYAAN, LEBIH BERJAYALAH NEGARA DAN BERTAMBAH PESAT LAGI EKONOMI DAN INI AKAN MENAMBAHKAN KEUNTUNGAN BUKAN BUMIPUTERA JUGA.

KEPADA BUMIPUTERA, PERDANA MENTERI BERPESAN SUPAYA JANGAN BERGAYA SEBELUM BERJAYA DAN TEKUN MEMPELAJARI SELOK-BELOK URUS NIAGA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA BAHAGIAN UMNO YANG MENENTUKAN PEMILIHANNYA SEMULA SEBAGAI PRESIDEN PARTI BAGI PENGGAL KEDUA TANPA BERTANDING.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN BELIAU KERAP MEMBUAT DESAKAN YANG TIDAK POPULAR SEJAK MENGAMBIL ALIH TERAJU PARTI PADA TAHUN 1981, SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO MASIH MEMBERIKANNYA KEPERCAYAAN UNTUK TERUS MEMIMPIN PARTI ITU.

'BELIAU BERIKRAR AKAN TERUS BERKHIDMAT KEPADA PARTI DAN NEGARA SELAGI ADA HAYAT DAN KEMAMPUAN.

+TIDAK ADA APA YANG DAPAT SAYA TAWARKAN KEPADA UMNO DAN NEGARA MELAINKAN KHIDMAT YANG MASIH BOLEH SAYA BERIKAN.

+CUMA YANG SAYA PHON KEPADA ALLH IALAH APABILA KHIDMAT SAYA SUDAHTIDAK DIKEHENDAKILAGI, SAYA AKAN SEDAR DAN KENAL AKAN TANDA-TANDANYA DAN SAYA DAPAT MENGUNDURKAN DIRI DENGAN SEGALA SENANG HATI.+ -- LAGI 0851/AZ

ZCZC 8531

MAHATHIR-UMNO 9 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BELIAU TIDAK PENTING TETAPI YANG PENTING IALAH UMNO.

UMNO, KATANYA, DITUBUHKAN BUKAN UNTUK MEMBERI TEMPAT KEPADA ORANG-ORANG TERTENTU TETAPI MEREKA DIPILIH SEBAGAI PEMIMPIN KERANA PERJUANGAN PARTI TIDAK AKAN BERJAYA JIKA IA TIDAK BERKETUA.

BERNAMA 0852/AZ